

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90



LANGUAGE

News & Reports



<u>Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2024</u>	<u>28</u>
<u>Projek SHINE</u>	<u>31</u>
<u>Jom Sayang Pasukan Penyayang 2.0</u>	<u>33</u>
<u>English Club Mixer 2024</u>	<u>34</u>
<u>Pertandingan CelcomDigi</u>	<u>35</u>
<u>5-Day Programme</u>	<u>37</u>



Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2024: Memperkasakan Sukarelawan dan Kepimpinan

Oleh: Noor Azli Affendy Lee & Nur Fatin Shahmina Mohd Fauzey



Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2024 (SUMMIT 2024) yang diadakan pada 15 hingga 17 November 2024 di RHR Hotel Kajang, Selangor, merupakan satu acara tahunan yang sangat dinanti-nantikan oleh semua ahli Kelab Penyayang di seluruh Malaysia. Dianjurkan oleh Yayasan Budi Penyayang Malaysia (PENYAYANG), program ini menjadi platform penting untuk mengukuhkan jaringan sosial antara ahli kelab selain memperkasakan kemahiran pengurusan dan kepimpinan peserta. 25 universiti awam dan swasta telah menghantar delegasi masing-masing. Antaranya ialah Universiti Malaysia Perlis, Universiti Pendidikan Sultan Idris, University of Cyberjaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, dan Disted College yang baru menubuhkan Kelab Penyayang. UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) turut menghantar delegasi yang terdiri daripada 2 orang penasihat kelab Penyayang UiTM CPP iaitu Encik Noor Azli Affendy Lee dan Cik Nur Fatin Shahmina, 5 orang ahli majlis tertinggi kelab dan 5 orang ahli baharu yang akan menerajui kelab pada tahun hadapan.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini dimulakan dengan sesi pendaftaran dan taklimat pada petang Jumaat, diikuti dengan aktiviti ice-breaking. Aktiviti ini yang dipimpin oleh Tuan Haji Muhammad Rafiq Abdullah dari Kumpulan MRK Smart, berjaya memecahkan kekakuan antara peserta dari pelbagai institusi pendidikan. Ia juga menjadi medan untuk membina keserasian dan semangat kerja berpasukan yang sangat penting untuk melancarkan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini dimulakan dengan sesi pendaftaran dan taklimat pada petang Jumaat, diikuti dengan aktiviti ice-breaking. Aktiviti ini yang dipimpin oleh Tuan Haji Muhammad Rafiq Abdullah dari Kumpulan MRK Smart, berjaya memecahkan kekakuan antara peserta dari pelbagai institusi pendidikan. Ia juga menjadi medan untuk membina keserasian dan semangat kerja berpasukan yang sangat penting untuk melancarkan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Hari kedua program dipenuhi dengan ceramah-ceramah bermanfaat yang disampaikan oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Antara ceramah yang menarik perhatian ialah "Ke Arah Pembangunan Berterusan: Bagaimana Sukarelawan Menyumbang?" yang disampaikan oleh Encik Raymund Jagan, seorang kaunselor dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ceramah ini menekankan kepentingan sukarelawan dalam masyarakat dan bagaimana aktiviti sukarelawan dapat membawa perubahan positif. Selain itu, sesi bersama Profesor Madya Dr. Norruzeyati Che Mohd Nasir, pensyarah Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia mengenai nilai dan etika dalam kerja komuniti turut memberikan perspektif baharu kepada para peserta tentang pentingnya integriti dan tanggungjawab dalam setiap tindakan mereka.



Pada sebelah petang, para peserta terlibat dalam aktiviti luar yang mencabar fizikal dan mental mereka. Antaranya ialah aktiviti team building yang dijalankan oleh Hikers Training Consultant yang bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga menguji kebolehan mereka untuk bekerjasama sebagai satu pasukan. Ia menjadi pengalaman bermakna yang membantu memperkukuhkan hubungan antara peserta, sambil memupuk semangat kerja berpasukan dan kepercayaan antara satu sama lain. Pada waktu yang sama, satu mesyuarat dijalankan antara penasihat kelab bersama Yayasan Budi Penyayang Malaysia, di mana idea-idea baharu dibincangkan untuk memperkasakan lagi kelab masing-masing pada masa akan datang.



Hari ketiga program menjadi kemuncak Summit Kelab Penyayang 2024. Majlis penutup diserikan dengan ucapan oleh Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, yang menekankan peranan penting sukarelawan dalam pembangunan masyarakat. Selain itu, pelancaran Piala Sukarelawan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia 2024 turut berlangsung yang memberikan inspirasi kepada semua peserta untuk terus aktif dalam kerja-kerja kesukarelawanan. Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil kepada semua peserta sebagai simbolik penghargaan terhadap usaha dan komitmen mereka sepanjang program.